

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HJ. ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji dan mewujudkan undang-undang pembiayaan politik bagi tujuan ketelusan serta mendokong Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP).

JAWAPAN: YB MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk mewujudkan suatu rang undang-undang berkaitan yang mengawal sumbangan politik bagi tujuan ketelusan seperti yang dinyatakan di bawah Inisiatif 1.2.5 dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

2. Kajian dan sesi libat urus bersama pelbagai pihak sedang giat dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan input berkaitan untuk memastikan penggubalan rang undang-undang yang komprehensif dapat disediakan dan dikuatkuasakan secara berkesan.

3. Rang undang-undang tersebut adalah dalam proses untuk dimuktamadkan dan akan dibentangkan di Parlimen setelah proses tersebut selesai kelak.

Sekian, terima kasih.